

ABSTRAK

Secara umumnya penulisan ini dibahagikan kepada 6 bab. Bab pertama merupakan bahagian pendahuluan. Dalam bahagian ini, pengkaji menyentuh tentang latar belakang kajian yang merangkumi permasalahan, tujuan, bahan, batasan kajian, kajian terdahulu dan metodologi kajian.

Bab 2 pula menyentuh tentang konsep dan kerangka teori. Di antara konsep yang ditekankan ialah konsep keindahan atau estetika, rasa, dan fenomenologi. Turut ditekan pegangan kajian ini, iaitu berdasarkan Teori Rasa-Fenomenologi yang dikemukakan oleh Sohaimi Abdul Azizi.

Bab 3 menyentuh tentang latar belakang Zaharah Nawawi, iaitu pengarang novel *Sebelum Berhujungnya Musim Bunga*, *Selamat Datang Adzie Farahah* dan *Panglima Salleh Selempang Merah*, gaya penulisan dan pemikiran Zaharah Nawawi dan kedudukan dan sumbangan dalam dunia kesusasteraan Melayu.

Bab 4 pula memfokuskan analisis dengan menerapkan Teori Rasa-Fenomenologi dengan penumpuan kepada rasa kagum dan rasa berahi.

Bab 5 pula analisis novel-novel Zaharah Nawawi iaitu dengan mengaplikasikan Teori Rasa-Fenomenologi dengan penumpuan kepada rasa duka, rasa berang dan rasa benci.

Bab 6 merupakan bab akhir yang memuatkan dapatan analisis-analisis yang telah dilakukan.